



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

SESI PERKONGSIAN PENILAIAN ANUGERAH AKADEMIK NEGARA

OLEH:

YBHG. PROF. DATO' DR. MOHD JAMIL MAAH

PENGERUSI

KATEGORI ANUGERAH TOKOH AKADEMIK NEGARA



<http://jpt.mohe.gov.my>



Jabatan Pendidikan Tinggi




jabatanpendidikantinggi



@jpt_kpt



Jabatan Pendidikan Tinggi TV



Penerima Anugerah Tokoh Akademik Negara ialah seorang ahli akademik yang terlibat secara menyeluruh dan sentiasa beriltizam dalam menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu yang memberi sumbangan bernilai untuk negara dan dunia

Sumbangan calon membolehkan IPT mencapai aspirasi sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan manusia sejangat

Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja

Berkhidmat sebagai pensyarah di IPT tempatan selama sekurang-kurangnya **15 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.

Menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara **holistik**.

Menerima **anugerah atau pengiktirafan ketokohan** daripada badan profesional dan ilmiah yang berprestij pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dan ada menerima **sekurang-kurangnya satu (1) anugerah** dalam jangka waktu **10 tahun terakhir** (termasuk tahun yang dinilai).



Menghasilkan sumbangan yang membawa **impak yang signifikan** melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Menunjukkan **kepimpinan dan kecemerlangan secara berterusan** dalam bidang akademik yang diterajui.

Mengemukakan **satu (1) salinan berjilid** yang mengandungi **butir jaya diri (CV)** terperinci dan bukti-bukti anugerah dan/atau pengiktirafan serta maklumat tambahan yang tidak dapat dikemukakan di dalam sistem permohonan.

- Permohonan dibuat sepenuhnya dalam talian.
- Namun, satu (1) salinan berjilid yang mengandungi butir jaya diri (CV) terperinci dan bukti-bukti anugerah dan/atau pengiktirafan serta maklumat tambahan yang tidak dapat dikemukakan di dalam sistem Permohonan perlu **diserahkan** kepada urus setia dalam tempoh yang ditetapkan.



KRITERIA PENILAIAN

Merangkumi semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (lifelong achievement)


JENIS ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN ANUGERAH

01

Anugerah/pengiktirafan akademik yang diakui secara rasmi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

02

Penerimaan anugerah mestilah mengambil kira sumbangan kumulatif anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat (**lifelong achievement**).



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Saya merupakan warganegara Malaysia dan telah bermastautin di luar negara, adakah saya layak memohon?	Layak dengan syarat anda telah berkhidmat di IPT di Malaysia untuk tempoh 15 tahun secara kumulatif.
2.	Bolehkah penganugerahan dan pengiktirafan yang diterima semasa tidak bermastautin di Malaysia digunakan untuk permohonan anugerah ini?	Ya, jika dianugerahkan dalam tempoh 10 tahun terakhir semasa permohonan.
3.	Bolehkan permohonan dikemukakan tanpa melalui universiti?	Tidak boleh.



SESI SOAL JAWAB

Sekian, terima kasih...